



14 Jun 2012  
14 June 2012  
P.U. (A) 178

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT)  
(PINDAAN) (NO. 4) 2012

*FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT)  
(NO. 4) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 4) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Sembilan, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 4) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2012.

**Pindaan Jadual Ketiga**

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/1989] yang disebut "Perintah ibu" dalam Perintah ini dipinda dalam Jadual Ketiga di bawah kepala "Negeri Sembilan Darul Khusus"—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 7 butiran yang berikut:

"8. (Laluan 362): *Jalan Seremban – Labu – Nilai*

Dari persimpangannya dengan Laluan 241 di koordinat Utara (U) 435892.741497, Timur (T) 300678.85369 dan berakhir di persimpangan dengan Laluan 3265 di koordinat Utara (U) 421678.96607, Timur (T) 309955.396008 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 3: Jalan–Jalan Persekutuan Negeri Sembilan.

Jarak sepanjang 19.26 km."; dan